

SOROTAN TREND KESEDARAN AMALAN BERWAKAF DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA DARI TAHUN 2015 HINGGA 2024

Mohd Abdul Nasir Abd Latif^{1*}

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received:
01/08/2025
Revised:
15/10/2025
Accepted:
15/10/2025
Online first:
Published 10/03/2026

Keywords:

Kesedaran
Wakaf
Masyarakat Islam

DOI:

doi.org/10.24191/7ezeh087

ABSTRAK

Konsep menyumbang secara berwakaf telah berkembang dan diterima pakai oleh umat Islam untuk pelbagai tujuan Kebajikan. Pelbagai pihak khususnya MAIN giat menjalankan kempen untuk memungut sumbangan wakaf dengan menggunakan pelbagai strategi dan pendekatan bagi tujuan pembangunan masjid dan sekolah-sekolah berasaskan agama Islam. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sejauh manakah tahap kesedaran masyarakat Islam terhadap amalan berwakaf. Walaupun data-data tersebut menunjukkan peningkatan, juga kempen-kempen berwakaf dilihat giat dilaksanakan, namun persoalan berkaitan dengan kesedaran berwakaf dalam kalangan masyarakat Malaysia perlu diberikan perhatian. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menjadikan sumber dokumen sebagai data utama kajian. Dapatan kajian menunjukkan kesedaran berwakaf dalam masyarakat Islam dalam tempoh 10 tahun (2015-2024) masih lagi pada tahap yang rendah. Ini disebabkan lima faktor utama iaitu kekurangan sumber manusia dalam mempromosi wakaf, kekurangan maklumat dan pengetahuan mengenai wakaf, hilang kepercayaan atau keyakinan ke atas institusi wakaf, Masyarakat tidak boleh membezakan antara wakaf, zakat dan sedekah dan keperluan kepada inovasi dalam memupuk kesedaran berwakaf. Kajian ini memberikan implikasi kepada semua pihak yang mengendalikan wakaf agar menyemak dan memperkasakan semula lima perkara yang menjadi faktor penyumbang kepada kesedaran berwakaf dalam kalangan masyarakat Malaysia.

A REVIEW OF AWARENESS TRENDS ON WAQF PRACTICES AMONG THE MUSLIM COMMUNITY IN MALAYSIA FROM 2015 TO 2024

¹ Corresponding author. E-mail address: muhd.nasir@fsk.upsi.edu.my

<https://doi.org/10.24191/7ezeh087>

Abstract

The concept of contributing through waqf (endowment) has developed and been adopted by Muslims for various charitable purposes. Various parties, particularly the State Islamic Religious Councils (MAIN), have actively conducted campaigns to collect waqf contributions using a range of strategies and approaches, especially for the development of mosques and Islamic-based schools. This study was conducted to identify the level of awareness among Muslims regarding the practice of waqf. Although data indicates an increase and waqf campaigns are actively being carried out, the issue of waqf awareness among the Malaysian public still requires attention. This study was conducted qualitatively, using documentary sources as the main data. The findings reveal that awareness of waqf among the Muslim community over the past ten years (2015–2024) remains at a low level. This is due to five main factors: lack of human resources to promote waqf, insufficient information and knowledge about waqf, loss of trust or confidence in waqf institutions, the public's inability to distinguish between waqf, zakat, and charity, and the need for innovation in fostering waqf awareness. This study implies that all parties involved in the administration of waqf should re-examine and strengthen these five key factors that contribute to waqf awareness among the Malaysian community.

Keywords: Awareness, Waqf, Muslim Community

PENDAHULUAN

Wakaf merupakan sumber dana yang penting dalam membangunkan umat Islam bukan sahaja dari sudut keagamaan dan sosial, malah ia juga melibatkan pembangunan sumber ekonomi yang lestari dan kukuh. Pembangunan yang diasaskan menerusi wakaf merupakan satu bentuk gabungan antara fizikal dan spiritual di mana setiap pembangunan yang dicapai tersirat di dalamnya erti pengorbanan dan keikhlasan untuk mencari keredaan ilahi menerusi dana wakaf yang di sumbangkan. Ini menepati konsep pembangunan yang digagaskan oleh Siddiqi (2009) yang meletakkan ciri *tazkiyyah* (pembangunan kerohanian), *tarbiyyah* (pembangunan moral), *tanmiyyah* (pembangunan ekonomi dan sosial), *tatawwur* (pembangunan pendidikan dan budaya) dan *taqaddum* (pembangunan ketamadunan). Secara tidak langsung, pembangunan yang berasaskan dana wakaf akan mewujudkan rasa tanggungjawab untuk sama-sama menjaga fasiliti tersebut kerana ia merupakan amanah penyumbang yang perlu dipelihara.

Secara asasnya, konsep menyumbang secara berwakaf telah berkembang dan diterima pakai oleh umat Islam untuk pelbagai tujuan kebajikan khususnya dalam sektor ibadah dan pendidikan. Menurut Saharudin, Saifoul & Jamal (2003), pada hakikatnya, kesedaran terhadap amalan berwakaf telah lama sebat di dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Hal ini terbukti dengan wujudnya tanah-tanah yang telah diwakafkan oleh generasi lampau. Data-data yang dibekalkan oleh pihak JAWHAR dan MAIN setiap negeri juga menunjukkan angka yang signifikan bahawa harta wakaf semakin tahun semakin meningkat. Dalam waktu yang sama, media sosial hari ini giat menjalankan kempen untuk memungut sumbangan wakaf dengan menggunakan pelbagai strategi dan pendekatan bagi tujuan pembangunan masjid dan sekolah-sekolah berasaskan agama Islam. Walaupun data-data tersebut menunjukkan peningkatan, juga kempen-kempen berwakaf dilihat giat dilaksanakan, namun persoalan berkaitan dengan kesedaran berwakaf dalam kalangan masyarakat Malaysia perlu diberikan perhatian agar kesedaran ini perlu terus dipertingkatkan dan tumpuan terhadap pembangunan tanah-tanah wakaf dapat diperkasakan seiring dengan hasrat pewakaf.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Wakaf adalah berasal dari perkataan bahasa Arab *al-Waqf*. Perkataan ini memberi beberapa maksud iaitu *al-Habs* yang bermaksud penahanan, *al-Man'* bererti larangan serta *al-Tasbil* iaitu menyalurkan pada jalan Allah SWT (Ibn Qudamah, 1997). Dari sudut istilah, para fuqaha seperti al-Tarabulsi (1902) dan al-Sharbini (1997) mendefinisikan wakaf sebagai suatu dedikasi harta dengan menahan harta tersebut daripada sebarang pemindahan pemilikan dan manfaatnya disalurkan bagi tujuan kebajikan khusus untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Perkataan *waqf* tidak dinyatakan dalam al-Qur'an atau dalam hadis-hadis Nabi SAW. Para fuqaha' telah meletakkannya sebagai salah satu bentuk ibadah harta berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan kesimpulan hadis-hadis yang menyarankan agar ibadah itu dilaksanakan. Ayat utama yang sentiasa dijadikan asas berkaitan wakaf adalah firman Allah;

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

(Surah Ali Imran; 92)

Ibn Kathir (1998) ketika membincangkan ayat di atas telah menukilkkan tiga hadis berikut;

- i. Bahawa Abu Talhah adalah seorang Ansar yang paling banyak memiliki harta di Madinah, dan tersebutlah bahawa harta yang paling dicintainya adalah Bairuha (sebuah kebun kurma) yang letaknya berhadapan dengan Masjid Nabawi. Nabi Saw. sering memasuki kebun itu dan meminum airnya yang segar lagi tawar. Ketika ayat di atas diturunkan, Abu Talhah berkata, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah Swt. telah berfirman: 'Kalian sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna) sebelum kalian menafkahkan sebahagian harta yang kalian cintai' dan sesungguhnya hartaku yang paling aku cintai adalah kebun Bairuha ini, dan sekarang Bairuha aku sedekahkan agar aku dapat mencapai kebajikan melaluinya dan sebagai simpananku di sisi Allah SWT. Maka aku mohon sudilah engkau, wahai Rasulullah, mempergunakannya menurut apa yang diperlihatkan oleh Allah kepadamu." Maka Nabi SAW. menjawab melalui sabdanya: Wah, wah, itu harta yang menguntungkan, itu harta yang menguntungkan; dan aku telah mendengarnya, tetapi aku berpendapat hendaklah kamu memberikannya kepada kaum kerabatmu. Abu Talhah menjawab, "Akan aku lakukan sekarang, wahai Rasulullah." Lalu Abu Talhah membagi-bagikannya kepada kaum kerabatnya dan sepupu-sepupunya.
- ii. Umar mengatakan, "Wahai Rasulullah, aku belum pernah memperoleh harta yang paling aku cintai dari semua harta yang ada padaku selain bagianku dari harta rampasan Khaibar. Apakah yang harus aku lakukan terhadapnya menurutmu?" Maka Rasulullah SAW. menjawab: Tahanlah pokoknya dan sedekahkanlah (di jalan Allah) buah hasilnya.
- iii. Ibn. Umar yang menceritakan bahawa telah sampai kepadanya ayat tersebut, maka ia teringat kepada pemberian Allah yang paling ia cintai, iaitu seorang budak wanita berbangsa Rom. Aku (Ibnu Umar) berkata, 'Dia merdeka demi karena Allah. Seandainya aku menarik kembali sesuatu yang telah aku jadikan sebagai amal untuk mendekatkan diri kepada Allah, nescaya aku akan menikahnya'.

Penurunan ayat serta riwayat-riwayat yang dinukilkan di atas menunjukkan kesedaran untuk menyumbang secara berwakaf telah bermula seusai turunnya ayat tersebut. Perkara ini terus dibudayakan dalam kalangan sahabat, tabiin, tabi' tabiin dan umat yang seterusnya. Imam As-Syafie r.a menyatakan; 'Aku mendapat tahu bahawa lapan puluh orang sahabat dalam kalangan Ansar telah melakukan sedekah *muhramat* (Wakaf)' (al-Khin & al-Bugha; 2009). Ibnu Batutah, semasa melawat Damascus telah mencatatkan bahawa, terdapat pelbagai bentuk wakaf telah dilaksanakan di bandar tersebut. Antaranya ialah wakaf untuk meningkatkan lagi kemudahan awam seperti jalan raya dan kaki-kaki lima bagi kemudahan orang ramai (Ibn. Batutah; 2011)

Pembudayaan wakaf kemudiannya mengalami pelbagai era. Di puncak kecemerlangan wakaf, sejarah mencatatkan penubuhan institusi seperti Universiti al-Azhar di Mesir, Universiti al-Qurawiyyin di Morocco dan Universiti al-Mustansiriyyah di Iraq (Mohd Abdul Nasir, 2024). Demikian juga dana wakaf yang dibangunkan di negara Turki oleh kerajaan Uthmaniyyah. Wakaf telah memainkan peranan yang sangat signifikan apabila ia berfungsi bagi memenuhi keperluan masyarakat, pelbagai jenis wakaf yang dilaksanakan dalam khilafah Uthmaniyyah seperti wakaf berunsurkan khidmat kesihatan, pendidikan, keagamaan, peruntukan makanan, wakaf tempat awam, wakaf kebersihan dan sebagainya. Melalui kepelbagaian wakaf ini telah mewujudkan institusi wakaf yang memberikan perkhidmatan kepada semua individu dalam sesebuah tempat tanpa mengira latar belakang hidup (Alias, N. A. B., & Ahmad Sanusi, S. W. S., 2024).

Dalam konteks Malaysia, kesedaran dan pemeraksanaan Wakaf telah mula dibincangkan sejak 25 tahun yang lalu. Malaysia merupakan negara Islam yang bergiat aktif dalam merencana dan merealisasikan agenda pembangunan harta wakaf bagi menjaga kebajikan ummah melalui penyediaan infrastruktur fizikal dan perkhidmatan dalam hal ehwal keagamaan, pendidikan, kesihatan, pertanian dan komersial serta memelihara kebajikan golongan tidak bernasib baik (Asmak Ab. Rahman, 2009). Antara kajian awal yang memberi fokus terhadap pemeraksanaan wakaf adalah kajian oleh Zuraidah et al (2011). Menerusi kajian yang dijalankan, terdapat 6 cadangan telah dikemukakan untuk memperkasakan wakaf iaitu menjalankan pembangunan wakaf setempat, penyelarasan pengurusan wakaf seluruh Malaysia dan

mempertingkatkan sistem informasi dan kelengkapan ICT untuk mengawal selia wakaf. Wan Marhaini (2012) pula mencadangkan supaya aplikasi moden wakaf diperkenalkan seperti saham wakaf, wakaf tunai dan wakaf saham. Cadangan-cadangan yang dikemukakan antara inisiatif untuk memperkasakan wakaf di Malaysia.

Mohamad Zaim Ismail et al (2015) antara lain mencadangkan langkah untuk memperkasakan wakaf adalah dengan menambahkan lagi kesedaran masyarakat terhadap wakaf. Para ustaz, pensyarah dan guru agama di pusat pengajian agama contohnya, perlu merombak kandungan pengajian dan kuliah-kuliah di masjid-masjid dan surau-surau. Mereka perlu sering mengetengahkan dan menerapkan tajuk-tajuk berkaitan dengan wakaf dalam setiap bidang pengajian mereka agar dapat memberi maklumat berterusan terhadap kepentingan ibadah wakaf kepada umat Islam. Hal ini kerana, untuk membentuk kesedaran tinggi masyarakat terhadap wakaf, ia memerlukan usaha dan kerjasama yang berterusan dari pelbagai pihak. Bahkan, kesedaran masyarakat kini tentang kepentingan dan kelebihan ibadah sunat lain seperti umrah dan korban sehingga mereka berlumba-lumba mengerjakannya juga hasil daripada penerapan dan penekanan yang dilakukan para ilmuwan terdahulu. Jadi, kaedah dan metode yang sama juga perlu dilakukan untuk menarik masyarakat agar cenderung kepada ibadah wakaf.

Pelbagai pendekatan telah dilakukan bagi memastikan kelestarian kesedaran dan pembudayaan berwakaf dalam kalangan masyarakat. Pelbagai produk wakaf telah diperkenalkan seperti saham wakaf oleh wakaf Johor², wakaf saham oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)³, wakaf takaful oleh Takaful Ikhlas⁴ dan wakaf tunai yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak khususnya Majlis Agama Negeri (MAIN). Dalam waktu yang sama pelbagai platform telah dibangunkan bagi memudahkan transaksi wakaf dapat dipermudahkan selari dengan perkembangan teknologi perbankan kini selain dari platform tradisional menerusi penyediaan tabung-tabung sumbangan wakaf.

Menurut Anan (2012) pula, Institusi wakaf di Malaysia sudah mula berkembang terutamanya dalam aspek ekonomi. Sebagai contoh pembinaan rangkaian hotel-hotel wakaf oleh pihak MAIN dan juga kerajaan. Namun disebabkan masih ramai yang kurang kefahaman mengenai perkara yang berkaitan dengan wakaf atau kurangnya ilmu pengetahuan berkaitan wakaf menyebabkan ada sesetengah masyarakat Islam yang mempersoalkan mengenai penggunaan dana wakaf untuk tujuan pembinaan rangkaian hotel di mana mereka beranggapan bahawa dengan adanya hotel dapat mengundang kepada gejala maksiat dengan pembinaan hotel tersebut mengikut fardu kifayah yang bertujuan untuk memenuhi keperluan umat Islam yang sedang bermusafir. Malah pihak pengurusan hotel juga diberi syarat untuk mengikut tuntutan Syariah.

Kajian demi kajian dilakukan untuk mengetahui tahap kefahaman masyarakat terhadap wakaf. Norizah Mohamed (2014) mendapati hasil yang sama tetapi menjurus kepada institusi wakaf. Masih lagi terdapat sebilangan kecil responden yang keliru di antara amalan berwakaf dengan sedekah. Mereka beranggapan wakaf dengan sedekah adalah satu perkara yang sama. Perkara asas yang mereka tahu berkaitan wakaf seperti tanah perkuburan Islam, dan masjid sebagai tanah wakaf. Pengetahuan berkaitan dengan wakaf masih berada di tahap rendah memandangkan ianya tidak dikembangkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan wakaf pada masyarakat secara menyeluruh. Ini menyebabkan terdapat sebahagian responden yang tahu mengenai wakaf tetapi masih belum pernah berwakaf.

Setelah puluhan tahun wakaf mula mengambil tempat dalam negara, adalah menjadi satu kewajaran untuk satu sorotan dibuat sejauh manakah perkembangan tahap kesedaran berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Ini penting kerana tahap kesedaran akan menentukan kelestarian wakaf itu sendiri memandangkan wakaf memerlukan sumbangan yang berterusan dari segenap lapisan masyarakat agar ia terus berkembang dan mampu untuk kembali ke era kegemilangan seperti yang pernah dicapai satu ketika dahulu.

METODOLOGI KAJIAN

² https://www.maij.gov.my/?page_id=447

³ <https://www.asnb.com.my/wakaf.php>

⁴ <https://www.takaful-ikhlas.com.my/category/vbi/product/ikhlas-waqf-endowment>

<https://doi.org/10.24191/7ezeh087>

Kajian ini adalah kajian kualitatif. Taylor dan Bogdan (1984) menyatakan data kualitatif berbentuk deskriptif yang boleh didapati menerusi kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati. Suraini Saufi (1990) menyatakan data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian, hasil pembicaraan dan bahan tertulis. Dalam kajian ini, data diperoleh menerusi bahan bertulis iaitu analisis dokumen yang telah dicetak dan disiarkan yang terdiri daripada jurnal, prosiding dan laporan akhbar.

Pemilihan dokumen ini berdasarkan faktor ia telah pun dikomunikasikan iaitu diterbitkan selaraskan dengan saranan Sabitha Marican (2009) dan Babbie (2010). Analisis dokumen yang dijalankan secara manual dengan fokus diberikan kepada tahap kesedaran berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia berdasarkan dokumen yang telah diterbitkan dari tahun 2015 hingga 2024. Berdasarkan analisis yang dilakukan kepada dokumen-dokumen tersebut, kesimpulan kajian terhadap kesedaran berwakaf dibuat. Pelaporan dapatan kajian disusun secara susunan tahun diterbitkan dengan huraian dapatan kajian dikemukakan secara terperinci.

DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah dapatan kajian berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap dokumen-dokumen yang membincangkan tentang tahap kesedaran berwakaf dalam kalangan masyarakat awam di Malaysia.

Berdasarkan kajian Nadiah Zulkiflee et al (2015) menunjukkan varian keseluruhan yang rendah yang mempengaruhi tahap kesedaran masyarakat Besut mengenai wakaf tunai. Walaubagaimanapun, faktor pengetahuan dalam kalangan responden mencatatkan peratusan varian yang lebih tinggi berbanding faktor promosi. Dapatan ini menunjukkan pengetahuan masyarakat berada pada tahap yang tinggi namun ia tidak disokong dengan promosi agar masyarakat berwakaf. Kajian Nor Aishah Ismail et al (2015) berkaitan amalan wakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Bharu Kelantan telah mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi amalan berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam. Analisis kajian menunjukkan bahawa pemboleh ubah dalaman iaitu faktor kepercayaan kepada agama, faktor kerohanian dan faktor kepuasan kebajikan adalah signifikan mempengaruhi amalan berwakaf. Turut mempengaruhi amalan berwakaf adalah pemboleh ubah demografi seperti tingkat pendapatan, tahap pendidikan, status pekerjaan dan bilangan tanggungan.

Walaupun dua kajian di atas telah merumuskan tentang pengetahuan yang tinggi tentang berwakaf serta faktor-faktor yang mempengaruhi untuk berwakaf, namun merumuskan kesedaran berwakaf masih lagi sederhana. Kenyataan daripada YADIM⁵ menyatakan kesedaran wakaf dalam kalangan umat Islam masih sederhana. Apa yang menyedihkan, kesedaran dalam kalangan umat Islam di negara ini tentang kepentingan berwakaf masih lagi sederhana. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Asyraf Wajdi Dusuki berkata, berdasarkan maklumat terkini, hanya terdapat 335 pewakaf di Wilayah Persekutuan yang membuat sumbangan wakaf tetap bulanan melalui skim potongan gaji kepada Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Menurutny lagi, negara masih lagi belum mengoptimumkan sepenuhnya potensi yang dimiliki wakaf sebagai elemen kekuatan umat Islam. Dalam waktu yang sama juga, kesedaran berwakaf masih lagi kurang kerana kebanyakan mereka masih lagi memahami wakaf pada skop yang sempit. Masih kurang yang menyedari bahawa wakaf banyak kegunaan dan kebaikan pada masa kini.

Rabitah Harun et al (2016) dalam kajiannya merumuskan kebanyakan daripada responden mereka sangat berminat untuk melakukan wakaf, tetapi kesedaran mereka masih rendah disebabkan beberapa kekangan, antaranya adalah kekurangan promosi oleh pihak berkuasa yang menyebabkan mereka kurang terdedah kepada maklumat yang berkaitan dengan perkara tersebut. Kajian juga mencadangkan agar aktiviti seperti forum, kempen kesedaran, dan penyebaran maklumat dalam media cetak atau elektronik perlu dipergiatkan. Melalui program-program ini, pelajar yang kebanyakannya terdiri daripada golongan muda akan mempunyai peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan pihak berkuasa yang menguruskan wakaf untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci mengenai manfaat dan kelebihan harta wakaf ini.

⁵ <https://www.yadim.com.my/v2/kesedaran-wakaf-dalam-kalangan-umat-islam-masih-sederhana/>

Pada tahun 2017, dokumen-dokumen yang dianalisis mencatatkan tahap pengetahuan masyarakat berkaitan wakaf masih lagi rendah. Nor'Azurah Md Kamdari et al (2017) menerusi kajiannya menyimpulkan majoriti iaitu 74.2 peratus daripada responden tidak mengetahui tentang program Wakaf korporat WANCorp. Kajian juga merumuskan program Wakaf korporat WANCorp kurang liputan. Walaupun WANCorp mengamalkan beberapa jenis kempen tetapi masih belum cukup untuk menawan hati orang ramai. Baquyatan et al (2018) memberitahu hampir keseluruhan komuniti Islam tidak langsung peduli akan wakaf kerana ianya tidak diurus dengan cekap, pengagihan yang kurang memuaskan dan tidak relevan. Mereka lebih cenderung untuk memberi wakaf yang berbentuk kekal seperti tanah dan bangunan sahaja. Apa yang dapat disimpulkan adalah kaedah atau cara pemberian wakaf itu sendiri tidak didedahkan secara jelas kepada umum dan ada segelintir pihak yang menanggapi wakaf ini hanyalah perkara biasa serta mereka melihat yang impak wakaf ini tidak begitu besar sekali. Di Selangor, ada sebahagian yang mengetahui akan perkara ini dan ada juga sebahagian yang lain langsung tidak tahu dan tidak ambil peduli akan wakaf. Isu kurang kefahaman dan salah sangka dalam kalangan umat Islam memberikan implikasi yang buruk kepada institusi wakaf seterusnya dapat merencatkan perkembangan wakaf.

Isu berkaitan pengurusan wakaf seperti yang dinyatakan oleh Baquyatan et al (2018) dilihat relevan. Ini berdasarkan dapatan kajian Khairunisah Ibrahim dan Atiullah Md (2018) yang merumuskan kebanyakan penderma mempunyai pengetahuan yang cukup tentang wakaf tunai dan mereka mencadangkan agar dana wakaf diuruskan oleh badan pengurusan yang betul. Sehingga penerima wakaf tunai mendapat manfaat atas pemanfaatan dana wakaf. Tambahan pula, majoriti responden berpendapat bahawa dana wakaf tunai boleh digunakan untuk tujuan pelaburan dan pembiayaan untuk perniagaan mikro. Dalam kes itu, penderma mungkin tahu ke mana dana wakaf tunai dibelanjakan. Pendapat-pendapat sebegini datang kerana pengetahuan yang mencukupi oleh penderma mengenai wakaf tunai dan mereka juga menggalakkan orang lain untuk mewakafkan tunai sebagai seorang Muslim untuk menunaikan kewajipan agama. Kajian juga merumuskan umat Islam masih dipercayai bahawa wakaf tunai dan sistem wakaf tradisional yang lain adalah sama sifatnya dengan sedekah jariah dan zakat ketika mereka menderma kepada orang yang memerlukan.

Kesedaran berwakaf masih lagi dilihat rendah seperti yang disimpulkan oleh Burhanuddin Jalal et al (2019) dalam kajiannya bertajuk Kesedaran Amalan Wakaf Dalam Kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia. Kajian merumuskan tahap kefahaman warga angkatan tentera Malaysia yang terlibat dengan kajian ini masih rendah iaitu kira-kira 57.64% sahaja. Dapatan ini mengesahkan iaitu tahap kefahaman warga ATM terhadap konsep wakaf adalah rendah. Kajian juga mendapati secara keseluruhannya tahap kefahaman warga ATM yang ada pengalaman wakaf berada pada peratusan 67.81%, sementara tahap kefahaman mereka yang tiada pengalaman wakaf berada pada peratusan 59.65%, perbezaan tahap kefahaman mereka yang ada pengalaman wakaf dengan mereka yang tiada pengalaman hanya sekitar 8.16%. Tiada petunjuk yang jelas yang boleh mengaitkan pengalaman wakaf seseorang itu mempengaruhi tahap kefahaman mereka. Begitu juga tiada petunjuk yang jelas yang boleh mengaitkan tiada pengalaman wakaf dengan tahap kefahaman mereka.

Kajian Fidlizan Muhammad et al (2019) menunjukkan sedikit sinar perubahan apabila merumuskan tahap pengetahuan berkaitan Wakaf Perak ArRidhuan (WPAR) berada pada tahap sederhana. Namun begitu kajian juga menunjukkan kesederhanaan ini berada pada semua peringkat termasuk dalam kalangan kumpulan yang menjadi penghubung MAIPk dengan masyarakat iaitu jawatankuasa masjid. Kajian seterusnya mencadangkan agar konsep integrasi dalam penyebaran maklumat yang bersangkutan dengan institusi di bawah MAIPk perlu diberi perhatian oleh semua individu bertanggungjawab. Ahli jawatankuasa masjid perlu berperanan untuk menjadi ejen tidak formal kepada WPAR yang sentiasa menyebarkan maklumat berkaitan WPAR tanpa terikat kepada waktu, hari khusus seperti solat Jumaat, dan menampal poster sahaja. Kewujudan jurang informasi yang ketara berkaitan WPAR dan pembangunan wakaf di Perak juga dikesan.

Menjelang tahun 2021, tahap kesedaran berwakaf kembali menunjukkan pada tahap yang rendah. Kajian Norul Azila Ismail dan Hairunnizam Wahid (2021) berkaitan penerimaan masyarakat Islam terhadap wakaf tunai pendidikan dalam kalangan kakitangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) menyimpulkan kesedaran menunaikan wakaf tunai bertujuan pendidikan masih lagi rendah dalam kalangan masyarakat Islam. Ini mungkin disebabkan berwakaf yang merupakan sumbangan sukarela masih dianggap tidak

penting walaupun dalam Islam dijelaskan pahalanya yang berpanjangan dan berkekalan. Berbanding dengan kesedaran berzakat, masyarakat Islam masih mengekalkan pembayaran zakat pendapatan yang merupakan sumbangan yang wajib dan ia dicatatkan pada tahap yang tinggi. Kajian juga mencadangkan agar promosi menunaikan wakaf tunai pendidikan oleh MARA perlu dipergiatkan lagi dari masa ke semasa untuk menyedarkan masyarakat Islam amnya dan kakitangan MARA khususnya agar terus menyumbang agar perkembangan bidang pendidikan di negara ini dapat diperkasakan melalui dana wakaf dan tidak semata-mata bergantung kepada sumbangan dana oleh pihak kerajaan.

Ini diperkukuhkan lagi dengan kajian Abg Akmal Azani et al (2021) yang menyimpulkan bahawa masyarakat masih kurang arif tentang Wakaf Kesihatan. Min kesedaran tentang Wakaf Kesihatan boleh dilihat sebagai yang paling rendah ($M=2.61$) antara lain kerana orang tidak pernah mendengar Wakaf Kesihatan di mana-mana platform dan ia adalah sesuatu yang baru bagi mereka. Kajian juga mencadangkan agar kesedaran tentang Wakaf Kesihatan boleh dibangkitkan dengan membuat kempen info grafik dan iklan di media sosial atau mana-mana kemudahan kesihatan. Situasi kesedaran ini kekal berada pada tahap yang rendah sehingga tahun 2023. Muhamad Anas Bin Ibrahim et al (2023) menyatakan, berdasarkan analisis kajian yang dijalankan, harus dikatakan bahawa kesedaran dan pemahaman umat Islam terhadap dana wakaf tunai masih lemah dan rendah. Ini boleh menyebabkan pemikiran dan tanggapan yang salah terhadap dana wakaf tunai.

Secara tuntasnya berdasarkan dapatan kajian di atas dapat disimpulkan bahawa tahap kesedaran masyarakat Malaysia mengenai kesedaran berwakaf adalah berada pada tahap yang lemah dan rendah. Tahap kesedaran ini dapat dirumuskan dalam lima aspek berikut;

a. Tahap Pengetahuan

Tahap pengetahuan masyarakat terhadap wakaf telah dianalisis oleh Nadiah Zulkiflee et al. (2015) yang mendapati bahawa walaupun pengetahuan responden mengenai konsep dan kepentingan wakaf berada pada tahap tinggi, aspek promosi masih dilaksanakan secara minimum. Penemuan ini menunjukkan bahawa pengetahuan semata-mata tidak mencukupi untuk mendorong penyertaan aktif dalam amalan wakaf sekiranya tidak disokong oleh strategi penyebaran maklumat yang efektif. Kajian Nor Aishah Ismail et al. (2015) pula memperluas perbincangan dengan menegaskan bahawa faktor dalaman seperti kepercayaan agama, kerohanian dan kepuasan kebajikan, serta faktor demografi seperti pendapatan, tahap pendidikan dan jenis pekerjaan, merupakan antara penentu utama yang mempengaruhi kecenderungan masyarakat untuk berwakaf. Walau bagaimanapun, tahap kesedaran terhadap pelaksanaan wakaf masih kekal pada paras sederhana. Dapatan ini selari dengan kajian Nor'Azurah Md. Kamdari et al. (2017) dan Azyyati Anuar et al. (2021) yang merumuskan bahawa kekurangan maklumat dan keterbatasan pengetahuan berkaitan wakaf menjadi faktor dominan yang menyebabkan tahap kesedaran masyarakat berada pada tahap rendah atau sederhana. Oleh itu, jelas bahawa meskipun wujud asas pengetahuan yang baik dalam kalangan masyarakat, usaha pengukuhan maklumat dan promosi secara berstrategi amat diperlukan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan penglibatan dalam amalan wakaf.

b. Promosi dan Pendedahan

Aspek kekurangan promosi dan pendedahan berkaitan wakaf telah dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada tahap kesedaran masyarakat yang rendah. Kajian Rabitah Harun et al. (2016) menunjukkan bahawa kelemahan dalam strategi promosi memberi kesan langsung terhadap kurangnya pengetahuan masyarakat mengenai wakaf. Dapatan ini turut disokong oleh Nor'Azurah Md. Kamdari et al. (2017) yang melaporkan bahawa 74.2% responden tidak mengetahui tentang kewujudan program wakaf korporat (WANCorp) ekoran kekurangan promosi yang dijalankan. Situasi tersebut sekali gus menjelaskan mengapa masyarakat masih belum mengenali bentuk-bentuk wakaf tertentu seperti Wakaf Kesihatan, sebagaimana dibincangkan oleh Abg Akmal Azani et al. (2021), yang menegaskan keperluan memperkukuh strategi penyebaran maklumat melalui medium yang lebih berkesan seperti infografik dan iklan. Sehubungan itu, kelemahan promosi bukan sahaja menghalang perkembangan kesedaran wakaf dalam kalangan masyarakat, malah turut mengekang potensi wakaf sebagai instrumen pembangunan ekonomi umat. Selain itu, keberkesanan strategi promosi sangat bergantung kepada kewujudan sumber manusia yang mencukupi,

memandangkan peningkatan kutipan dana wakaf dipengaruhi secara langsung oleh usaha penyampaian maklumat yang sistematik dan berterusan, selari dengan pandangan Noraini Mohamed et al. (2023).

c. Pengurusan Wakaf

Tahap pengurusan wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dapat dirumuskan melalui dapatan kajian Baquyatan et al. (2018) yang menunjukkan bahawa sebahagian umat Islam kurang memberi perhatian terhadap wakaf kerana beranggapan pengurusannya tidak cekap, agihan manfaat tidak menepati sasaran serta kurang relevan dengan keperluan semasa. Penemuan ini turut disokong oleh Khairunisah Ibrahim dan Atiullah Md. (2018) yang menegaskan keperluan kepada satu sistem pengurusan dana wakaf yang lebih efisien dan dilaksanakan oleh institusi yang tepat agar manfaat wakaf dapat disalurkan secara optimum kepada penerima. Malah, kajian tersebut turut mencadangkan agar wakaf tunai dilaburkan dalam bidang mikro perniagaan bagi memperluas manfaatnya kepada masyarakat.

Kajian Ahmad Fatin Mohamad Suhaimi et al. (2019) menekankan bahawa faktor kehilangan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf merupakan antara punca utama kegagalan pelaksanaan, justeru pentadbiran wakaf wajar bebas daripada sebarang bentuk campur tangan politik. Farhana (2014) pula mendapati bahawa tahap kesedaran dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf berbeza mengikut negeri disebabkan oleh pendekatan pengurusan yang berbeza antara MAIN, manakala Asykin (2013) menegaskan keperluan memperkukuh strategi promosi wakaf secara lebih meluas bagi meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai potensi wakaf sebagai pemacu ekonomi ummah. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pengurusan wakaf yang cekap, tersusun dan profesional bukan sahaja mampu meningkatkan keyakinan para pewakaf sedia ada, bahkan turut berperanan meyakinkan masyarakat untuk menyertai serta mengembangkan lagi pelaksanaan wakaf di Malaysia.

d. Persepsi Terhadap Wakaf

Persepsi terhadap wakaf masih lagi tersasar dari konsep dana itu sendiri berbanding zakat dan sedekah. Dapatan kajian juga menunjukkan antara faktor kesedaran berwakaf rendah adalah disebabkan kekeliruan yang berlaku dalam masyarakat tentang perbezaan antara wakaf, zakat dan sedekah. Dapatan ini selari dengan pandangan Nor'Azurah Md Kamdari et al. (2017) yang menyatakan terdapat segelintir masyarakat yang masih keliru dengan pengertian wakaf serta masih tidak dapat membezakan antara wakaf dengan sedekah. Oleh yang demikian ada yang menyamakan wakaf tunai dengan sedekah jariah atau zakat. Terdapat juga yang beranggapan bahawa wakaf hanya dalam bentuk kekal sahaja seperti tanah dan bangunan. Dalam waktu yang sama sebahagian masyarakat menganggap impak wakaf tidak besar. Ini disebabkan kerja-kerja kebajikan banyak didominasi oleh dana zakat dan sedekah atau sumbangan. Persepsi yang tersasar ini menghalang pengembangan wakaf moden seperti wakaf tunai, pendidikan, dan kesihatan.

Berdasarkan analisis yang dijalankan di atas, trend kesedaran berwakaf dari tahun 2015 hingga 2024 mengikut kumpulan sasaran adalah seperti berikut;

TAHUN	TAHAP KESEDARAN
2015–2017	Pengetahuan tinggi tetapi kesedaran masih sederhana
2018–2019	kefahaman rendah dan timbul isu pengurusan wakaf
2021–2024	Kesedaran wakaf tunai masih rendah; berbanding zakat, wakaf dianggap tidak penting.

Jadual di atas menunjukkan kesedaran berbeza mengikut kumpulan, tetapi majoritinya masih rendah. Ini menunjukkan keperluan kepada inovasi dalam memupuk kesedaran berwakaf. Usaha-usaha untuk memberikan kesedaran berwakaf kepada masyarakat sentiasa diperkasakan oleh pelbagai pihak khasnya pihak Majlis Agama Negeri (MAIN). Usaha ini melibatkan pelbagai pihak termasuk badan perbankan dan juga badan-badan korporat. Namun begitu keperluan kepada inovasi dalam mendekatkan kaedah untuk melaksanakan kebajikan menerusi berwakaf perlu diperkasakan. Ini kerana masyarakat

sebenarnya bersedia untuk menerima inovasi dalam wakaf. Corak pemikiran mereka kini bukan lagi jumud dan mereka berlapang dada dalam menerima apa-apa pembaharuan atau inovasi.

PENUTUP

Kajian ini telah merumuskan bahawa tahap kesedaran berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia masih lagi berada pada tahap yang rendah. Dokumen-dokumen yang di analisis untuk tempoh sepuluh tahun menunjukkan tiada perubahan yang signifikan dapat dicatatkan bagi membuktikan masyarakat Malaysia mempunyai kesedaran yang tinggi untuk berwakaf. Walaupun masyarakat Malaysia mempunyai kepercayaan kepada agama dan kerohanian yang baik namun situasi ini masih tidak cukup untuk mendorong mereka terlibat dalam amalan berwakaf secara aktif. Data dalam tempoh sepuluh tahun seperti yang dipaparkan dalam kajian ini menunjukkan anjakan paradigma secara menyeluruh perlu dilakukan bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk mendepani tempoh sepuluh tahun yang akan datang bagi memperkasakan dana wakaf di Malaysia. Sebanyak lima faktor utama perlu diberikan perhatian iaitu kekurangan sumber manusia dalam mempromosi wakaf, kekurangan maklumat dan pengetahuan mengenai wakaf, hilang kepercayaan atau keyakinan ke atas institusi wakaf, Masyarakat tidak boleh membezakan antara wakaf, zakat dan sedekah dan keperluan kepada inovasi dalam memupuk kesedaran berwakaf.

Bagi menangani lima faktor yang dinyatakan di atas, usaha yang gigih dan proaktif perlu diambil oleh pelbagai pihak khasnya pihak MAIN yang menjadi pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam enakmen negeri masing-masing. MAIN perlu lebih aktif dalam menggerakkan pelbagai usaha untuk memperkasakan dana ini. Pelbagai kepakaran perlu dimanfaatkan seperti kepakaran akademik yang ada di institusi pendidikan tinggi dan juga perbankan serta pihak-pihak NGO yang aktif dalam menggerakkan wakaf. Dalam waktu yang sama sumber dana amil zakat boleh dijadikan sebagai dana permulaan bagi memperkasakan dana wakaf. Ini relevan kerana pengurusan dana wakaf dan zakat berada di bawah MAIN di seluruh Malaysia.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

- Abg Akmal Azani Izzat Abg Marzuki, Syaheerah Atiqah Mohammad Amin and Nurul Anissa Haroming Rosilawati Sultan Mohideen and Ilya Yasnoriza Ilyas (2021), *The Awareness Towards The Importance Of Health Waqf In Malaysia*, e-Journal of Media & Society, Volume: 7, 1-18.
- Ahmad Fatin Mohamad Suhaimi, Safura Ahmad Sabri, Mohammad Aizham Mohammad Kassim & Hazlin Falina Rosli (2017), *Tahap Kefahaman Mengenai Wakaf: Kajian Kes di Selangor*. Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah, 373-382.
- Alias, N. A. B., & Ahmad Sanusi, S. W. S. (2024). Pelaksanaan Wakaf Golongan Bukan Islam menurut Perspektif Sarjana Islam Era Pemerintahan 'Uthmaniyyah', *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(1), 52-64.
- Al-Khin, Mustafa, al-Bugho, Mustafa, dan al-Syarbaji, 'Ali (2009). *Al- Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhabi al-Imam al-Shafi'i, Kitab Wakaf, Wasiat dan Faraid*. Jilid 5. Terj. Ridzuan Hashim et al., Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., hlm. 934.
- Al-Sharbiniy, Shamsuddin Muhammad bin al-Khatib (1997). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati alfazal-Minhaj*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Anan, C. Mohd (2012). *Pembangunan Tanah Wakaf : Cabaran dan Harapan*. Seminar Peletakhakan Tanah Wakaf, Permaisuri Resort Port Dickson, Negeri Sembilan.
- Asmak Ab. Rahman (2009), *Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia*, Jurnal Syariah, Vol. 17, No:1, 136-44.
- Nurul Asykin Mahmood dan Muhammad Hakimi Mohd Shafiai (2013). *Potensi Wakaf Korporat kepada Pemilikan Ekuiti Muslim: Kajian di Wakaf An-Nur Corporation*. Prosiding PERKEM VIII. Jilid 1(2013), 383-396.
- Azyyati Anuar, Rohayati Hussin, Nurul Mazrah Manshor, Noor Hidayah Kasim dan Daing Maruak Sadek (2021), *Kajian Konseptual Tentang Kesedaran Berwakaf Dalam Kalangan Kakitangan Uitm Cawangan Kedah*, Journal Voice Of Academia, Vol.17, Issues. 1, 163 – 172.
- Babbie E. (2010). *The Practice of Social Research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.

- Baqutayan, S. M. S., Ariffin, A. S., Mohsin, M. I. A., & Mahdzir, A. M. (2018). Waqf Between The Past And Present. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 9(4), 149-155.
- al-Tarabulsi, Burhan al-Din Ibrahim bin Musa (1902), *al-Is'af fi Ahkam al-Awqaf*, Mesir: Matba 'ah Hindiyyah,
- Burhanuddin Jalal, Sayuti Ab Ghani, Amnah Saayah Ismail & Rashid Nordin (2019), Kesedaran Amalan Wakaf Dalam Kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia, *Journal Of Fatwa Management And Research*, Vol. 16, No. 2, 112-126.
- Farhana Mohammad Suhaimi dan Asmak Ab Rahman (2014). Community Awareness and Understanding of Waqf in Malaysia: Experience of the States Islamic Religious Council. *Muktamar Waqf IQLIMI 2014: Universiti Sains Islam Malaysia*, 454-462.
- Fidlizan Muhammada, Azila Abdul Razak, Salwa Amirah Awang, Mohd Yahya Mohd Hussin, Mohd Zul Izwan Aliyasak (2019), Tahap Kesedaran Masyarakat Islam di Perak Mengenai Wakaf Perak Ar-Ridzuan, *Sains Humanika*, Vol. 11:3, 63-69.
- https://www.majj.gov.my/?page_id=447 (Diakses pada 19 Jun 2025)
- <https://www.asnb.com.my/wakaf.php> (Diakses pada 19 Jun 2025)
- <https://www.yadim.com.my/v2/kesedaran-wakaf-dalam-kalangan-umat-islam-masih-sederhana/>
- Ibn Batutah (2011), *Rehlah Ibn Batutah*, Beirut; Dar Sader.
- Ibn Kathir, Ismail Bin Umar (1998), Muhammad Husain Shamsuddin (ed), Beirut; Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah, Abi Muhammd Abdullah bin Ahmad bin Muhammad (1997). *al-Mughni*. Arab Saudi: Dar 'Alam al-Kutub.
- Khairunisah Ibrahim dan Atiullah Md (2018). Awareness Of Donors Towards The Use Of Cash Waqf Financing For Microenterprises In Malaysia, *E-Book Of Masjid, Zakat And Waqf (IMAF 2018)*, Kajang : Masjid al-Azhar.
- Mohd Abdul Nasir Abd Latif (2025), The Empowerment of Educational Philanthropy-Based Funds in Malaysian Public University; A Case Study of Sultan Idris Education University, *International Journal Of Research And Innovation In Social Science*, Volume 9, Issue I, 1226-1237.
- Mohamad Zaim Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli (2015), *Pemeriksaan Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan*, Labuan e-Journal of Muamalat and Society, Vol. 9, 1-13.
- Muhamad Anas Bin Ibrahim, Aemy Bin Aziz, Nurul Ilyana Muhd Adnan, Muhammad Saiful Islam Bin Ismail, Syaimak Ismail (2023), *Wakaf Tunai Di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS): Satu Tinjauan Ringkas Tahap Kesedaran Masyarakat Di Negeri Selangor*, *Borneo International Journal*, Vol. 6 (3), 146-151.
- Nadiah Zulkiflee, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad (2015), *Kesedaran Terhadap Wakaf Tunai: Kajian Di Besut, Terengganu*, eProsiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis), 1-11.
- Nor Aishah Ismail, Azila Abdul Razak, Fidlizan Muhammad (2015), *Amalan Wakaf Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Kota Bharu Kelantan*. Labuan e-Journal of Muamalat and Society, Vol. 9, 2015, 14-25.
- Nor'Azurah Md Kamdari, Remali Yusoff, dan Shaherah Abdul Malik (2017), *Public Awareness Towards Corporate Waqf By Waqaf An-Nur Corporation Berhad In Socio-Economic Development Of Public Society*, 171-180.
- Noraini Mohamed, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Mohd Noor Daud (2023), *Pelaksanaan Wakaf Tunai, Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR) 2016-2021*, *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, Vol. 1, Issue 1, 1-14.
- Norizah Mohamed, (2014). *Wakaf Penjagaan Kesihatan: Kajian Kes di Hospital Wakaf An-Nur*. *Healthcare Waqf: Case Study in Hospital Waqaf An-Nur*, 401-434.
- Nurul Azila Ismail, Hairunnizam Wahid (2021), *Penerimaan Masyarakat Islam terhadap Wakaf Tunai Pendidikan: Kajian dalam Kalangan Kakitangan Majlis Amanah Rakyat (MARA)*, *Journal Of management & Muamalat* Vol. 11, No. 2, 1-14.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Rabitah Harun, Rusnadewi Abdul Rashid, Hasyeilla Abd Mutalib, Niy Niy (2016) *Promotion as a Determinants for Waqf Awareness Among University*, *International Academic Research Journal of Social Science* 2(1), 95-99.

- Sabitha Marican. 2005. Kaedah penyelidikan sains sosial. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Saharudin, Saifoul & Jamal. (2003). Tinjauan Isu-isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia. Jurnal Syariah. Vol.11: 2, 73-98.
- al-Sharbini Shams al-Din Muhammad bin al-Khatib (1997), Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati Alfaz al-Minhaj, Vol. 2, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Siddiqi, Muzammil H., (2009), Principles and Goals of Development: An Islamic Perspective. Pakistani Link.
- Suraini Saufi, Nurul Akma Mohamed, Mujiburrahman Saleh, Hamidi Abdul Ghani, Sabree Noor (2021), Hubungan Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Sumbangan Wakaf Dengan Kepercayaan Terhadap Institusi Pengurusan Wakaf Di Malaysia, Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management Vol. 1, No. 2, 50-60.
- Taylor, SJ dan R Bogdan (1984), Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings. Second Edition. New Jersey : John Wiley and Sons Inc.
- Wan Marhaini Wan Ahmad (2012), Wakaf dan Kepentingannya di Sisi Umat Islam,” dalam Al-Muamalat V07, Kuala Lumpur: Bank Muamalat Malaysia Berhad, 16-17.
- Zuraidah Mohamed Isa., Norhidayah Ali. dan Rabitah Harun, (2011), A Comparative Study of Waqf Management in Malaysia, IPEDR Vol. 10. 2011 International Conference on Sociality and Economics Development (IPEDR) Vol.10, Singapore: IACSIT Press.



© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).